


ILSAS dan TNBX anjur kursus *Future of Utilities – Behind and Beyond the Meter*



Bangi – ILSAS dengan kerjasama anak syarikat TNB, TNBX, telah menganjurkan seminar bertajuk *Future of Utilities – Behind and Beyond the Meter* di Hotel Putrajaya, Bangi, pada 5 – 7 Nov 2019. Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada warga kerja TNB yang terpilih dari Bahagian Retail (Commercial), TNBX, STAR, Single Buyer, GSO, TNEC, ICT, LDC dan ILSAS sendiri kepada topik-topik berkaitan cabaran, pilihan dan solusi utiliti tenaga pada masa terdekat khususnya di dalam menceburi lapangan *behind and beyond the meter*. Seminar ini juga telah dihadhiri oleh wakil-wakil dari Suruhanjaya Tenaga dan SEDTA.

Seminar ini telah dikendalikan oleh Dr Fereidoon Sioshansi, pengasas dan presiden Menlo Energy Economics, firma perundingan di San Francisco, California, yang telah berkhidmat dalam sektor tenaga di Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan pengarang utama dan penerbit makalah EENERGY. Latar belakang profesionalnya termasuk bekerja di Southern California Edison Company (SCE) di Los Angeles, Electric Power Research Institute (EPRI) di Palo Alto, National Economics Research Associates (NERA) di San Francisco dan VENTYX (ABB) di Sacramento, California. Beliau mempunyai ijazah dalam bidang kejuruteraan dan ekonomi, termasuk Ph.D. dalam bidang ekonomi dari Universiti Purdue, AS.

Seminar ini membincangkan antara lain kemajuan terkini dalam digitalisasi aset di belakang jangka termasuk *distributed generation, distributed storage, virtual power plant (VPP), Demand Response, P2P electricity trading*, kenderaan elektrik dan juga bagaimana aset-aset ini boleh diagregatkan dan dipantau dari jauh untuk memberikan nilai yang lebih tinggi serta kepelbagaian perkhidmatan inovatif dan model perniagaan yang baru yang mungkin mengganggu-gugat bisnes konvensional utility tenaga. Topik mengenai agregator pintar juga telah disentuh yang bakal mewujudkan nilai tambah dengan mengoptimumkan bagaimana tenaga boleh dijana, digunakan, disimpan atau berpotensi dikongsi atau didagangkan di antara pengguna; *prosumers* dan *prosumagers* - iaitu, *prosumers* dengan *storage*.